

08 FEB 1999

Tentera-Setia

TENTERA TIDAK BOLEH TERPENGARUH DAKYAH ASING

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Anggota tentera diingatkan jangan terpengaruh atau melatah dengan dakyah asing yang cuba menjejaskan identiti bangsa dan memburuk-burukkan kemampuan pucuk pimpinan negara.

Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha berkata anggota tentera sebaliknya perlu yakin dengan segala usaha yang dijalankan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meneruskan kesejahteraan dan kemakmuran bagi rakyat dan negara.

"Menyedari hakikat inilah, saya menyeru seluruh warga Kementerian Pertahanan supaya terus bersatu mengukuhkan perpaduan dan tetap setia bersama kepimpinan kerajaan untuk mengatasi kemelut yang dihadapi," katanya pada perhimpunan pagi dan pelancaran kempen cetusan rasa Kementerian Pertahanan di sini, hari ini.

Katanya, anggota tentera adalah benteng utama pertahanan negara dan komitmen serta kesepaduan mereka amat diperlukan.

Beliau berkata musuh-musuh baru dari luar negara ingin melihat kesepaduan, keharmonian dan nikmat yang dikecapi Malaysia selama ini hancur melalui penjajahan bentuk baru yang jika tidak dikawal akan memusnahkan semua hasil penat lelah dan pengorbanan tentera selama ini.

Abang Abu Bakar berkata rasa cinta dan kepunyaan terhadap negara sebenarnya merupakan suatu nilai peribadi yang perlu disemai dalam setiap warganegara dan ia juga bukan sahaja tuntutan oleh kerajaan tetapi juga oleh agama.

"Kempen cetusan rasa di peringkat kementerian ini bertujuan menzahirkan sokongan ikhlas terhadap kerajaan sebagai suatu manifestasi cintakan negara," katanya.

Beliau mahu melihat warga kementerian itu tampil meluahkan kecintaan masing-masing terhadap negara dan berani menyuarakan hak untuk mempertahankan maruah bangsa dan kedaulatan negara daripada diganggu gugat oleh musuh negara.

Abang Abu Bakar kemudian turut menulis cetusan rasa dalam buku yang ditempatkan di ruang legar kementerian itu.

Turut mencatatkan cetusan rasa masing-masing ialah Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan, Panglima Angkatan Tentera Jen Datuk Seri Mohd Zahidi Zainuddin dan semua panglima perkhidmatan serta wakil kakitangan dan anggota.

-- BERNAMA

MNY AKD